

## **BERANI BERKATA APANDI BOHONG**

**Chedet.cc**

**26 July 2017**

**Tun Dr Mahathir Mohamad**

1. Ada komen bahawa saya tahu isi kandungan laporan-laporan oleh Bank Negara, MACC dan Auditor General kepada Apandi. Ya. Saya tahu. Saya memang tahu.

2. Saya tahu isi kandungan laporan Bank Negara kerana A.G. Gani Patail telah menunjuk laporan itu kepada Tan Sri Muhyiddin Yassin semasa dia masih menjadi Timbalan Perdana Menteri. Dalam ucapan Muhyiddin sebagai Presiden PPBM, dia sering menyebut berkenaan laporan-laporan yang ditunjuk kepadanya oleh A.G. semasa A.G. belum dipecat oleh PM. Dan kepimpinan PPBM, termasuk saya telah bincang laporan-laporan ini. Sebab itu saya tahu. Saya tidak akan cabar Apandi bersumpah jika saya tidak tahu kandungan laporan. Saya tahu A.G. Apandi bohong, sebab itu ia letak laporan itu di bawah Akta Rahsia Rasmi.

3. Kami tahu dan Tuhan lebih tahu. Jika berani bersumpahlah.

4. Wang tidak boleh dipindah dari satu tuan punya kepada tuan punya yang lain tanpa surat menyurat. Wang berbillion bahkan bermillion pun tidak boleh disimpan sebagai wang tunai. Ia perlu disimpan dalam bank. Jika melalui bank, bank juga akan masuk dalam buku akaunnya semua butir-butir berkenaan tuan punya, jumlah, matawang, haribulan, cek, bahkan kedudukan kewangan dan punca kekayaan orang yang menderma, atau membayar, atau membeli. Juga akan disebut nama penerima, haribulan, dan segala transaksi yang melibatkan wang berkenaan. Tidak mungkin wang tunai sebanyak itu diguna. Semua transaksi mengguna cek. Dan segala-galanya ditulis dalam cek berkenaan, dan buku akaun bank.

5. Satu surat dari pemilik asal tidak mencukupi. Siapa sahaja boleh tulis surat seperti ini. Dokumen-dokumen lain perlu ditunjuk sebagai bukti kebenaran kenyataan kedua-dua pihak, pemilik, penerima, bank yang mengeluarkan dan bank yang menerima. Setakat ini dokumen-dokumen ini tidak ditunjuk sebagai bukti.

6. Sesungguhnya pemindahan wang yang begitu banyak perlu direkod dalam berjela-jela kertas. Paper trail memang ada untuk pihak berkuasa menyelidiki akan kebenaran dakwaan oleh mana-mana pihak. Orang lain juga boleh mendapat maklumat jika mereka membuat kajian.

7. Tetapi dalam kes US\$681 million bersamaan RM2.6 billion yang ada dalam akaun Najib di Ambank, selain dari kononnya pengakuan oleh penderma Arab, tidak ada dokumen lain untuk bukti kesahihan pemindahan wang yang begitu banyak kepada Najib. Kita juga perlu diberitahu bagaimana duit ini diperolehi oleh Arab kaya ini. Tentulah ia memiliki jauh lebih banyak dari duit yang diberi. Cakap mulut Arab, Najib dan A.G. tidak cukup untuk menyakini mahkamah atau orang ramai berkenaan punca USD 681 million yang masuk dalam akaun Najib. Juga bahagian yang kononnya dikeluarkan.

8. Sebaliknya Dept. Of Justice Amerika Syarikat memberi keterangan yang cukup berkenaan dengan pengaliran wang dari 1MDB kepada beberapa syarikat dan bank di Cayman Island, British Virgin Islands, Singapura dan akhirnya ke dalam akaun Najib di Ambank yang kemudian melalui beberapa

bank dan syarikat kepada Jho Low. Jika DoJ membohong, samanlah jabatan ini. Tetapi Apandi atau Najib tidak saman walaupun tuduhan itu kena pada batang hidung mereka.

9. Jikalau Apandi tidak tahu semua ini ia patut berhenti dari jadi Pendakwa Raya (AG). Bahawa dia masih pegang jawatan penting ini ialah kerana dia melindungi dan dilindungi oleh Najib.

10. Sesungguhnya satu lagi Royal Commission of Inquiry perlu diadakan untuk selidik kes ini. Jikalau isu tiga puluh tahun dahulu perlu disiasat kenapakah jenayah terkini disembunyi.

11. Berani kerana benar. Jika takut menubuh RCI untuk ini, sebabnya tentulah kerana salah.

7 thoughts on "BERANI BERKATA APANDI BOHONG"

1.



2. [Log in to Reply rimba.emas](#) Jul 26, 2017 11:22 PM

Salam Tun.

1. Allah s. w. t tuhan agama Islam bersifat tunggal telah menjadikan manusia awal berdua atau berpasangan iaitu Adam dan Hawa.

2. Bersifat tunggal supaya kuasanya tidak terbahagi. Manakala berdua berpasangan lelaki dan wanita akan beranak pinak.

3. Sifat manusia begini yang di pasangkan turut di terjemahkan kepada sifat berlawanan. Contohnya baik lawannya buruk dan sebagainya.

4. Semuanya boleh menjadi pilihan kepada makhluk ciptaannya. Dalam memilih yang benar atau salah kita perlulah selidiki perkara tersebut.

5. Untuk memilih seorang berkecuali mestilah kita siasat latar belakangnya. Malah seorang berkecuali tidak boleh bercampur gaul atau pernah bersama dengan orang yang hendak di adili.

6. Bila ada yang tidak kena dengan seorang pendakwaraya yang kata putusya berlawanan dengan pendakwaraya asing atau pemahaman undang-undang negara maka rasa sangsi terjelma.

7. Bila dapat tahu AG ini pernah menjadi Bendahari UMNO Kelantan dan Peguam UMNO Kelantan pada 21 Mei 2010 , fahamlah Rimba Emas makna kepada BERKECUALI.

8. Agaknya telah terlepas pandang pihak DYMM Agong untuk sangsi latar belakangnya dengan PM sebagai penasihat.

9. Malah seorang Pendakwaraya telah di wartakan dalam undang-undang tidak boleh atau ada hubungan dalam majlis mesra supaya tidak timbul syak wasangka kepada rakyat bila menjadi Hakim dalam perbicaraan.

10. Bila kita sudah tahu bermakna kita kena ubah kepada KEBENARAN supaya memilih dengan betul satu amalan kebaikan kita di dunia untuk di bawa ke akhirat nanti.

Wallahua'lam.

3.



4. [Log in to Reply musato](#) Jul 26, 2017 8:09 PM

Assalamualaikum Tun.

Sejak akhir akhir ini, kelihatan pembesar politik UMNO terasa terancam dengan Tun Mahathir dan keupayaan gagasan PPBM dan Pakatan Harapan.

Apandi AG mungkin bukan seorang yang pandai menilai suasana politik semasa. Maka berkatalah dia, dia tidak takut pada Tun Mahathir, tapi cuma takut pada Allah swt.

Seperti saya katakan, kejadian yang memberangsangkan ini akan berlaku dalam tempoh setahun PPBM ditubuhkan (PPBM semakin menghampiri umur setahun). InsyaAllah dan Alhamdulillah.

Tun sedang menjalankan urusan saya.

Berhati hatilah Apandi AG, Zahid Hamidi dan sekalian pembesar UMNO. Telah menjadi sejarah Pak Lah melepaskan secara rela hati berkat arwah alim susun galur Abdullah Fahim.

Seperti Tun katakan. Walau orang tak suruh, saya (Tun Mahathir) akan buat.

Apandi AG, Apandi AG.

Terima kasih Tun.

5.



6. [Log in to Reply sibotak](#) Jul 26, 2017 5:49 PM

Perbelahan Melayu akan berlaku jika tidak berhati hati

Najib punca angkara

Punca Celaka yg bakal mengugat Malaysia

Tun Mahathir mendirikan BERSATU bukan untuk tumpaskan UMNO

Tetapi demi Kebenaran , demi Kepentingan Malaysia

Kerana Najiblah dalang yg UMNO sekarang begitu Bodoh membodek Najib membabi buta

Jangan kerana Nila setitik rosak Susu sebelangga

7.



8. [Log in to Reply NizomBux](#) Jul 26, 2017 3:09 PM

Salam tun

Saya ada satu pendapat ber kenaan pas

<https://nizombux.blog/2017/07/23/pas-bukan-parti-piihan-jika-bersendirian/>

Harap tun dapat nilai

Terima kasih

9.



10. [Log in to Reply milshah Jul 26, 2017 2:18 PM](#)

Assalamualaikum Tun,

Bercakap dengan perkara lain, Rafizi telah membuat satu kajian survey berkenaan sokongan orang Melayu. Yang menariknya sokongan Melayu terhadap Harapan dan UMNO adalah lebih kurang sama iaitu Harapan 36% dan UMNO 35%. PAS pula mendapat 15% sokongan Melayu. Manakala kelompok atas pagar adalah 15%.

Kajian Rafizi ini sebenarnya menguatkan jangkaan kita selama ini. PAS sedikit sebanyak telah memecahkan undi Harapan sebanyak 15%. Walaupun PAS berjaya memecahkan undi Harapan, dengan sokongan 15%, mustahil PAS akan memenangi sebarang kerusi. Dengan undi Melayu pun 15%, apatah lagi undi orang bukan Melayu dengan RUU 355 yang tengelam timbul di Parlimen (Saya jangkakan RUU 355 akan dibentangkan tetapi tidak didebatkan di hari akhir Parlimen bersidang).

PAS nampaknya akan kalah teruk dalam PRU 14. Saya dapat bayangkan kenyataan sesetengah pemimpin PAS, "Ini ketentuan Ilahi, kita terima dengan redha".

Dengan Harapan 36% dan UMNO 35%, nampaknya antara Harapan dan UMNO, sokongan Melayu adalah 50-50. Ini bermakna sokongan Melayu telah terbahagi 2. Walaupun begitu, kelebihan adalah kepada Harapan, sebab selain sokongan Melayu, Harapan juga ada sokongan orang bukan Melayu.

Saya teringat PRU 13, di mana strategi Pakatan Rakyat ketika itu adalah memecahkan undi Melayu, dan orang bukan Melayu menjadi "king maker".

Walaupun bagaimanapun strategi ini gagal kerana orang Melayu tetap sokong UMNO disebabkan Tun dan tiada skandal 1MDB ketika itu. Kali ini UMNO tiada lagi Tun untuk membantu mendapatkan sokongan orang Melayu, bahkan Tun lah yang menerajui Harapan untuk menumbangkan UMNO.

Melihat keadaan ini, dalam worst case scenario pun, kalau tiada "Malay tsunami", asalkan Harapan dapat paling minima separuh sokongan Melayu dan 100% sokongan bukan Melayu, Harapan akan tetap menang.

Walaupun bagaimanapun, sebaik-baiknya Harapan usahakan juga untuk dapatkan "Malay tsunami" dan pengundi atas pagar.

Nampaknya perjalanan Harapan ke Putrajaya berjalan lancar. Teruskan mara ke hadapan!  
Alhamdulillah.

11.



12. [Log in to Reply ismadi](#) Jul 26, 2017 12:48 PM

As Salam Tun,

Didoakan semoga sihat hendaknya.

AG dilantik oleh DYMM Agung dengan nasihat Perdana Menteri.

Kesetiaan AG seharusnya kepada Negara kerana lantikan oleh DYMM Agung dan bukan sokong secara peribadi ke atas Najib.

BN dan Najib lebih banyak melalut diluar daripada di dalam.

Sekiranya isu 1MDB/SRC ini tidak dibahaskan di Parlimen, di mana lagi dan ada cadangan supaya AG datang ke parlimen untuk menerangkan kenapa beliau mendapati tiada kes ke atas Najib.

Kesemua penjelasan Kerajaan kini adalah alasan murahan dan tidak disokong dengan bukti bukti untuk menjawab pihak Pakatan Harapan dan memberi keyakinan kepada Rakyat Malaysia.

Keputusan membelanjakan RM1.59b mungkin membenarkan cadangan Tun bahawa Cash Is King itu benar dan mari kita lihat bagaimana warga Felda yg menerima imbuhan ini respon di dalam pilihanraya nanti.

Adakah nilai Rakyat Malaysia semurah itu atau Bangsa Melayu akan bangun untuk mendefinisikan semula erti kemerdekaan dengan menolak Kerajaan Kleptokrasi.

Wallahualam.

13.



14. [Log in to Reply Fariq Islam](#) Jul 26, 2017 11:06 AM

Assalamualaikum, Tun.

Apa yang berlaku sekarang ialah Pendakwa (AG) dipandang bertindak secara pilih-kasih, di bawah "arahan" pemimpin. Gejala kurang sihat ini diwaris sejak era kepemimpinan dulu.

Malaysia perlu beralih ke ciri gemilang kepemimpinan Tunku atau Tun Hussein Oon, di mana nilai-nilai akhlak yang tinggi diamalkan dan kepentingan ibu pertiwi sentiasa diberi keutamaan.

Source: <http://chedet.cc/?p=2573>